

Headline	Angkasa sasar 500 koperasi bayar zakat tahun depan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-28	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,681



Angkasa sasar 500 koperasi bayar zakat tahun depan

ALOR SETAR 18 Nov. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasaskan sebanyak 500 koperasi di seluruh negara akan menunaikan kewajipan mereka untuk membayar zakat pada tahun depan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kesedaran untuk koperasi membayar zakat mulai meningkat setelah pelbagai program dijalankan oleh Angkasa bagi tujuan itu.

Katanya, pada tahun 2012, hanya 38 koperasi membayar zakat, namun dengan pelbagai program dijalankan pihak Angkasa, sebanyak 334 koperasi telah membayar zakat pada tahun ini.

"Ada peningkatan yang ketara dari segi jumlah koperasi yang membayar zakat jadi ini buktikan peranan Angkasa untuk galakkan koperasi membayar zakat telah berjaya.

"Ini kerana dengan adanya

perkhidmatan yang disediakan oleh Angkasa bagi membantu koperasi menaksir zakat dan Angkasa sendiri bertindak sebagai wakil amil untuk mengutip zakat bagi pihak pusat zakat negeri di seluruh negara telah mula meningkatkan kesedaran koperasi bagi membayar zakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan zakat perniagaan di Istana

Anak Bukit, di sini hari ini.

Sebanyak lima syarikat iaitu Angkasa, Lembaga Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad, Bank Persatuan dan Bank Rakyat menyerahkan zakat perniagaan masing-masing yang kesemuanya berjumlah RM16,635,624.13 kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK).

Majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.



TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah menerima dua replika cek daripada Abdul Fattah Abdullah di Istana Anak Bukit di Alor Setar, Kedah, semalam. - BERNAMA